

- 16 Suara kakak di telefon _____ kerana talian telefon kurang memuaskan.
A terjerit-jerit
B tersedu-sedan
C tersekat-sekat
D tercungap-cungap
- 17 Shima gagal memperoleh keputusan yang membanggakan dalam ujian percubaan UPSR. _____ dia tidak berputus asa dan terus berusaha untuk berjaya dengan cemerlang dalam ujian akan datang.
A Oleh itu
B Justeru itu
C Namun begitu
D Oleh yang demikian
- 18 Julia _____ dengan berkahwin dahulu sebelum kakaknya.
A Langkah kiri
B langkah kanan
C langkah seribu
D langkah bendul
- 19 Roslan _____ apabila dia gagal mengekalkan jawatan pengerusi syarikat yang disandangnya sebelum ini.
A putih hati
B berat kaki
C berat hati
D putih mata
- 20 Suhaimi sepupu saya. Dia adalah _____ kepada ayah saya.
A anak dara
B anak ayah
C anak buah
D anak angkat
- 21 Sejak dari tadi Kamal kelihatan gelisah _____.
A seperti sampah hanyut
B seperti cacing kepanasan
C seperti itik pulang petang
D seperti harimau menyembunyikan kukunya

Soalan 22 dan soalan 23

Pilih perkataan seerti bagi kata bergaris.

- 22 Ayam jantan itu menggelupur kerana dilanggar kereta.
A menggigil
B meninggal
C mengeletek
D menggelepar